

# 'Penjawat awam macam pelari maraton'

**P**UTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, menyifatkan penjawat awam sebagai peserta larian maraton yang sedang berlari di pusingan akhir yang sepatutnya bukan makin lemah apabila makin menjangkau garisan penamat.

Beliau berkata, penjawat awam perlu menunjukkan kecergasan dan kehebatan luar biasa bagi membantu kerajaan mentadbir negara terutama menjelang Wawasan 2020 yang berbaki 10 tahun lagi.

"Sebelum ini, kita sering bercakap mengenai transformasi dan saya berpendapat sudah tiba masanya semua penjawat awam menunjukkan prestasi hebat.

"Ia umpama menyertai larian maraton yang berada di pusingan akhir dan memerlukan pecutan untuk ke garisan penamat dan bukan semakin lemah," katanya pada majlis pelancaran Perhimpunan Penjawat Awam 2010 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cepuacs), Omar Osman dan menteri-menteri kabinet.

Menurutnya, semua penjawat awam perlu menunjukkan prestasi lebih baik kerana hanya ada tempoh 10 tahun sebelum sampai



**LANCAR...Najib berucap pada majlis pelancaran Perhimpunan Penjawat Awam 2010 di PICC, semalam.**

ke 2020.

"Pada masa ini, kita bukan berada di tahap melakukan transformasi, sebaliknya tiba masa memerlukan momentum atas perubahan dilakukan," katanya.

Najib berkata, penjawat awam perlu meletakkan momentum terutama dalam usaha membentuk kerajaan berkesan kerana jangkaan rakyat makin tinggi.

"Program Transformasi Kerajaan (GTP) satu usaha ke arah mewujudkan kerajaan berkesan terutama melalui pemikiran berinovatif dan kreatif," katanya yang melancarkan buku Transformasi Minda: Memeta Wawasan, Melaksana Amanah terbitan Institut Tadbiran Awam Negara (Intan).

Menurutnya, kerajaan sedang merangka pelan lebih kreatif memberi penghargaan kepada penjawat awam yang memberikan perkhidmatan terbaik.

"Kebiasannya penjawat

awam akan diberikan penghargaan melalui sistem menegak dan melintang, namun saya lihat ia tidak lagi boleh digunakan kerana tiada penilaian objektif," katanya.

"Yang tak patut menegak pun, tegak juga...yang tak patut melintang pun dapat juga," katanya.

Sehubungan itu, Najib berkata, kerajaan melihat cara lain dalam memberikan penghargaan kepada penjawat awam cemerlang.

"Sebagai contoh, jika sebuah balai polis diiktiraf sebagai balai terbaik, semua anggota di balai berkenaan akan mendapat ganjaran dan bukan orang tertentu saja," katanya.

Najib berkata, dalam Model Ekonomi Baru, kerajaan menyasarkan pendapatan rakyat termasuk penjawat awam meningkat daripada purata USD7,000 kepada USD15,000 dalam tempoh 10 tahun.